

# Dr M, Bush bincang keganasan

BH 3 OCT 2001

Perdana Menteri dan Presiden Amerika dijangka membincangkan isu keganasan antarabangsa ketika pertemuan pada Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik di Shanghai 20 dan 21 Oktober ini

PUTRAJAYA, Selasa – Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Amerika Syarikat, George W Bush akan membincangkan isu keganasan antarabangsa apabila mereka bertemu pada Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Shanghai, pada 20 hingga 21 Oktober ini.

Persetujuan untuk mengadakan pertemuan di Shanghai bagi membincang-

nangani masalah pengganasan.

Dalam perbualan telefon semalam, Dr Mahathir memberitahu Bush, beliau berhasrat untuk menulis surat kepada Presiden AS itu bagi menerangkan pandangannya mengenai langkah menentang keganasan.

Bagaimanapun Bush mencadangkan supaya Dr Mahathir menulis kepadanya lebih awal supaya perkara itu boleh di-

## Republik Czech setuju saranan Malaysia Asean tidak wajar sertai perang – Muka 2

kan isu itu dicapai dalam perbualan mereka melalui telefon petang semalam.

Menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri hari ini, kedua-dua pemimpin itu bersetuju membincangkan isu keganasan antarabangsa dengan lebih lanjut ketika di Shanghai nanti.

“Dr Mahathir gembira apabila Bush menghargai sokongan Malaysia dan pandangan beliau,” kata kenyataan itu.

Perdana Menteri sebelum ini mencadangkan agar satu persidangan antarabangsa diadakan bagi mencari jalan me-

bincangkan pada pertemuan ketika mesyuarat Apec nanti.

Presiden AS turut melahirkan penghargaan kepada Malaysia kerana sokongannya kepada tindakan negara itu terhadap keganasan.

Bush juga menyatakan, sejak serangan terhadap Pusat Dagangan Dunia New York dan Pentagon di Washington itu, beliau banyak mempelajari mengenai Islam dan perkara yang baik mengenai agama itu.

LIHAT MUKA 2

## Bush beri jaminan tidak serang Islam

DARI MUKA 1

Kedua-dua pemimpin bersetuju bahawa dunia seharusnya digerakkan untuk menentang keganasan dan setiap negara hendaklah memainkan peranannya dengan caranya sendiri.

Perdana Menteri menegaskan, peperangan melawan keganasan berbeza dengan peperangan biasa kerana musuh yang dihadapi tidak dapat dilihat. Mereka juga menyentuh kesan kejadian itu kepada ekonomi dunia.

Selain melahirkan kesedihan Malaysia berkaitan serangan 11 September itu, Dr Mahathir juga menyatakan harapan agar AS dapat mengatasi masalah ekonominya dengan segera.

Di WASHINGTON, Jurucakap Rumah Putih, Ari Fleischer berkata, dalam perbualan telefon semalam, Bush memberi jaminan kepada Dr Mahathir bahawa perang yang dilancarkan oleh AS terhadap keganasan adalah bagi menentang kejahatan, bukannya Islam.

Fleischer, dalam taklimat harian Rumah Putih hari ini berkata, kedua-dua pemimpin bersetuju bahawa taktik dan bentuk kerjasama baru antarabangsa diperlukan bagi menghadapi ancaman terkini pengganasan.

“Bush dan Dr Mahathir berbincang mengenai kesan serangan itu kepada ekonomi dan mereka berhasrat berbincang lebih mendalam mengenai pada mesyuarat ketua-ketua negara Apec di Shanghai nanti,” katanya.

Sebelum itu, Bush mendakwa peperangan menentang keganasan telah mencapai kemajuan.

“Setakat ini, kita telah membeku akaun bank berjumlah AS\$6 juta yang dikaitkan dengan aktiviti pengganasan. Kita membekukan 30 akaun al-Qaeda di AS dan 20 di luar negara. Dan ini baru permulaan,” katanya ketika melawat sebuah agensi persekutuan.

AS dilaporkan menempatkan 29,000 anggota tentera, dua kapal pengangkut kapal terbang, pasukan pendaratan dan beratus-ratus kapal terbang sebagai persediaan menyerang Afghanistan, selain 17,000 anggota pasukan simpanan dan Pengawal Kebangsaan yang dikerah menjaga keselamatan negara.

Walaupun tenteranya telah bersedia, Bush mengakui bahawa peperangan kali ini berbeza. “Adalah sukar untuk mengharungi perang gerila dengan pasukan konvensional,” katanya.

Beliau juga berkata, pihaknya menerima 46 ikrar sokongan daripada kumpulan seperti NATO, Asean, Persidangan Negara-negara Islam (OIC) dan Pertubuhan Negara-negara (benua) Amerika (OAS). —Bernama.